

09 JAN 2003

Mahathir-Pameran (Bergambar)

PERDANA MENTERI RASMI PAMERAN KHEMAH ISLAM DI MUZIUM KESENIAN ISLAM

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Pameran Khemah-khemah Islam Pertama Benua Asia di Muzium Kesenian Islam Malaysia, Jalan Lembah Perdana di sini hari ini.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba ke perkarangan muzium pada kira-kira pukul 4.30 petang.

Pameran bertemakan "Menjangkau Batasan: Khemah-khemah Dunia Islam" itu akan berlangsung selama empat bulan setengah di Galeri Khas 1 dan 2 muzium berkenaan mulai esok.

Ia akan dibuka kepada orang ramai dari pukul 10 pagi hingga 6 petang hari Selasa hingga Ahad. Muzium itu ditutup setiap Isnin.

Semasa berucap, Dr Mahathir berkata pameran itu amat penting sebagai sumber maklumat mengenai gaya hidup masa lampau dan menyuarakan keyakinannya bahawa pameran itu akan menarik kunjungan ramai pelawat.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada penganjur dan berharap para pengunjung akan memperolehi banyak maklumat berguna dari pameran berkenaan.

Pameran itu dianjurkan Muzium Kesenian Islam dengan kerjasama Muzium Etnografi Hamburg dengan penajaan oleh Siemens, Mas Kargo, Malaysia Airlines, Muzium Volkerkunde Hamburg, Tiga Events Sdn Bhd, Yayasan Albukhary dan Bholm Voss Schenker Stinnes Logistics.

Menurut kenyataan media muzium itu, khemah-khemah yang dipamerkan adalah milik Muzium Etnografi Hamburg di Jerman yang pertama kali dipamerkan di luar dari muzium berkenaan.

Ia memaparkan imbasan dunia kehidupan mereka yang menjangkau dan melampaui had serta sempadan geografi, membawa bersama mereka ketulenan dan keaslian tradisi yang berkurun-kurun lamanya dengan hanya berbekalkan keperluan asas.

Bayaran masuk ke pameran itu adalah RM8 bagi dewasa dan RM4 bagi pengunjung bawah 18 tahun manakala kanak-kanak bawah enam tahun tidak dikenakan bayaran.

-- BERNAMA

AZH AHH ROS